

**COMPARISON OF EDUCATIONAL BACKGROUND, PERSONALITY AND  
PREACHING APPROACH BETWEEN TRADITIONAL ISLAMIC  
PREACHERS AND CELEBRITY PREACHERS**

**PERBANDINGAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN, KEPERIBADIAN DAN  
PENDEKATAN DAKWAH ANTARA PENDAKWAH TRADISIONAL DENGAN  
PENDAKWAH SELEBRITI**

Aisyah Ab Rahimi<sup>i</sup>, Ahmad Sabri Osman<sup>ii</sup> & Fairuzah Basri<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pelajar Doktor Falsafah (PhD), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM). isya.arahim@gmail.com

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM). ahmadsabri@uitm.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM). fairuzah613@uitm.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>Da'wah is a duty and obligation that is considered as a noble act in the Islamic religion. Each and every Muslim is encouraged to preach da'wah and remind not only fellow Muslims but also among the non-Muslim community. The objective of da'wah is to convey goodness and advise each other to prevent evil deeds and doing harm. Da'wah is not an easy task and can't be achieved in a short time. Generations of preachers from the past to the present continue to strive to do preaching work to ensure that Islamic teachings are not only preserved but also continue to grow. Along with the changes of time, so does the current preaching method as compare to the past, but the purpose of da'wah is still the same. The effectiveness of da'wah depends on the hard work and creativity of the preachers to influence and change attitudes, thoughts and actions. This study has several objectives. The first objective is to study the preacher's background and education. The second objective is the discussion on the preacher's personality and morals. The third objective will focus on preaching methods and approaches used by preachers. The methodology of this study is qualitative, while the design of this study is a historical study. Data from past documents and articles were collected and analysed for this research. The results of this study will give an insight on the knowledge and noble personality of preachers, and also the extent of the similarities and differences between traditional preachers and celebrity preachers today in terms of their knowledge, personality, wisdom, appearance and morals. This writing is expected to provide guidance to preachers in particular and also provide exposure to the general public.</i></p> <p>Keywords: <i>Traditional, Preachers, Celebrity, Personality, Morals.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Dakwah adalah satu tugas dan amanah yang sangat mulia darjatnya di dalam agama Islam. Setiap umat Islam digalakkan untuk berdakwah dan saling memperingatkan antara satu sama lain baik di kalangan sesama Muslim apatah lagi kepada masyarakat bukan Islam. Objektifnya untuk menyampaikan kebaikan dan saling menasihati sesama insan untuk mencegah dari melakukan kemungkaran dan kemudaratan. Kerja dakwah</i></p>

bukan sesuatu tugas yang mudah dan usaha dakwah tidak berlaku dengan singkat. Generasi para pendakwah dahulu hingga sekarang terus kekal berusaha melakukan kerja-kerja dakwah untuk memastikan ajaran Islam bukan sahaja kekal dipelihara tetapi juga terus berkembang. Lumrah perubahan masa, pastinya metode dakwah dahulu dan sekarang sangat berbeza namun matlamat dakwah masih kekal sama. Keberkesanan dakwah ini terletak kepada keaktifan dan kekreatifan para pendakwah untuk mempengaruhi dan mengubah sikap, pemikiran serta tindakan. Kajian ini mempunyai beberapa objektif. Objektif yang pertama ialah untuk mengkaji latar belakang dan pendidikan pendakwah. Objektif kedua pula adalah untuk membincangkan keperibadian dan akhlak pendakwah. Objektif ketiga akan memberi penumpuan mengenai metode dakwah dan pendekatan yang digunakan oleh pendakwah. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif, manakala reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kajian sejarah. Pengkaji mengumpul dan menganalisa data daripada dokumen-dokumen dan artikel-artikel yang lepas. Hasil kajian ini dapat memberi pendedahan mengenai ketinggian ilmu yang dimiliki oleh para pendakwah, keperibadian mereka yang mulia serta sejauh mana persamaan dan perbezaan antara pendakwah tradisional dengan pendakwah selebriti masa kini dari segi ilmu, keperibadian, kealiman, penampilan serta akhlak mereka. Diharapkan penulisan ini dapat memberi panduan kepada para pendakwah khususnya dan juga memberi pendedahan kepada masyarakat amnya.

Kata kunci: *Pendakwah, Tradisional, Selebriti, Keperibadian, Akhlak.*

## PENGENALAN

Dakwah merupakan suatu gerakan kebangkitan dalam mengajak orang ramai untuk mengenali Islam dan mengajar mereka untuk mengenal Allah s.w.t. oleh golongan ulama' dan orang yang mempunyai kesedaran mengenai agama (Siti Hajar Alinordin, 2021). Tugas sebagai seorang pendakwah adalah suatu kerja yang sukar dan getir, dan mereka yang beriltizam sebagai pendakwah perlu mempunyai kecekalan dalam menjalankan tugas tersebut. Aspek ini bukan hanya bertujuan mengajak mereka yang jahil agama untuk mengenali Islam semata-mata tetapi juga mengajar mereka untuk menghayati dan mempraktikkan Islam sebagai cara hidup. Firman Allah swt mengenai tuntutan berdakwah bagi setiap Muslim yang beriman:

﴿وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ﴾

Maksudnya: *Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang munkar; merekalah orang-orang yang beruntung (al-Qur'an. Ali 'Imran: 104)*

Justeru itu pendakwah memainkan peranan yang amat penting dalam usaha penyebaran ajaran-ajaran Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana pendakwah hanya akan dianggap sebagai berjaya apabila mereka mampu dan dapat menarik minat *mad'u* iaitu kumpulan sasaran yang terdiri daripada pelbagai latar belakang supaya mempelajari dan menghayati ajaran Islam sebagai cara hidup. Itulah objektif yang diletakkan ke atas semua pendakwah dan sepatutnya ia menjadi sasaran utama untuk dicapai terutamanya bagi mereka yang menjadikan dakwah sebagai kerjaya rasmi.

## ULASAN KAJIAN LEPAS

### Dakwah Islamiah

Pada asasnya Islam merupakan agama dakwah Islamiah, iaitu agama yang mengajar dan membimbing umatnya mengenai kebenaran dan kebaikan untuk diamalkan dalam seluruh kehidupan yang merangkumi kehidupan bermasyarakat, sama ada masyarakat pluralistik,

multi etnik mahupun homogenetik (Jalal, 2018). Dakwah Islamiah ini merupakan satu tuntutan dan kewajiban yang perlu dilaksanakan oleh setiap individu Muslim dalam kehidupan seharian berdasarkan kemampuan diri masing-masing.

Dakwah secara mudahnya dapat diertikan dengan setiap ajakan baik melalui perkataan, tulisan ataupun sikap sama ada ajakan tersebut ke arah kebaikan ataupun kejahatan. Mengikut terminologi pengertian dakwah ialah mengajak manusia kepada kebaikan dan petunjuk, menyuruh yang baik dan melarang yang mungkar (*al-amr bi al ma'ruf wa an-nahy an al-munkar*) untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat (Jalal, 2018). Menurut sudut pandang etimologi, dakwah berasal dari perkataan bahasa Arab iaitu *da'a*, *yad'u*, *da'wan*, *du'a* (al-Mawrid, 1982), yang bererti mengajak, menyeru, memanggil, seruan, permohonan dan permintaan. Istilah ini sering diberi erti yang sama dengan istilah-istilah *tabligh*, *amar makruf* dan *nahi mungkar*, *mauizah hasanah*, *tabsyir*, *inzar*, *washiah*, *tarbiyah*, *taa'lim* dan *khutbah*. Sebagaimana maksud firman Allah dalam ayat 82 surah *al-An'am*; dakwah merupakan ajaran agama yang menumpukan kepada nilai-nilai positif sebagai rahmat kepada seluruh makhluk (Muhiddin, 2002).


Dalam pengertian lain dakwah dimaksudkan dengan ibadah, ajakan, permohonan (*al-istighathah*) permintaan dan azam. Ini selari dengan takrifan dakwah yang diberikan oleh Ali Mahfuz (1958) iaitu dakwah adalah menyeru dan mengajak manusia ke arah kebaikan dan petunjuk Allah serta menyuruh membuat *makruf* (kebaikan) dan melarang melakukan kemungkaran (kejahatan) supaya beroleh kejayaan dengan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat, serta Muhammad Abu Al-Fath al-Bayanuniyy (2001), iaitu dakwah ialah menyampaikan Islam kepada manusia, mengajarkan kepada mereka dan melaksanakannya dalam kehidupan.

Hal ini kerana dakwah itu sendiri merupakan satu usaha anjakan paradigma untuk mengubah suatu situasi kepada situasi yang lebih baik dan sempurna, baik terhadap peribadi, institusi kekeluargaan, organisasi ataupun masyarakat. Selain itu, dakwah juga menuju sasaran yang lebih luas, bukan sekadar usaha untuk meningkatkan pemahaman keagamaan, tingkah laku dan pandangan hidup sahaja. Apatah lagi pada masa kini dakwah harus lebih berperanan menuju kepada pelaksanaan ajaran Islam secara lebih holistik dalam pelbagai aspek kehidupan (Abdul Aziz Mohd Zin, 2001).

Ada pendapat yang membahagikan dakwah kepada dua jenis iaitu dakwah yang menyeru kebaikan dan dakwah yang menyeru kepada kejahatan. Menurut al-Syawkani (1973), dakwah kepada kebaikan ialah mengajak manusia untuk masuk syurga dan menghindari masuk neraka dengan iman kepada Allah dan mematuhi seruan-seruan Rasulullah. Sementara dakwah yang tidak baik pula ialah mengajak manusia untuk masuk ke neraka dengan cara mempersekutukan Allah atau syirik. Hal ini diteguhkan lagi dengan pendapat al-Razi (t.th) dalam kitab tafsirnya *Mafatih al-Ghayb* yang mana ada menyebut bahawa yang dimaksudkan dengan dakwah kepada kebaikan ialah menyeru manusia kepada keimanan yang dapat memberikan keselamatan kepada mereka, sedangkan yang dimaksudkan dengan dakwah kepada kejahatan ialah mengajak manusia kepada kekufuran sehingga seseorang itu terjerumus ke dalam neraka.

Manakala al-Qardawiyy (1978) pula mendefinisikan dakwah sebagai usaha membawa orang lain kepada agama Islam supaya mengikut petunjuk agama, melaksanakan segala ketetapan Allah SWT di muka bumi ini, mengkhususkan segala bentuk perhambaan diri, permohonan dan taat kepada Allah sahaja, melepaskan diri dari kongkongan yang bukan daripada Allah (*taghut*) yang terpaksa dipatuhi, memberi hak kepada orang yang ditentukan hak oleh Allah SWT, menafikan hak orang yang dinafikan hak oleh Allah SWT, menyeru kepada kebaikan dan menegah kepada kemungkaran serta berjihad di jalan-Nya.

Berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa dakwah adalah satu aktiviti dan usaha untuk mengubah manusia itu ke arah kebaikan dan membawa mereka kepada syariat yang benar. Di samping itu, istilah dakwah dapat disimpulkan kepada beberapa maksud iaitu seperti rajah di bawah.



Rajah 1: Istilah Dan Definisi Dakwah

### Peranan Pendakwah Atau Da'i

Islam sememangnya sudah lama bertapak di dalam negara kita. Ia telah mula diterima sebagai satu pegangan dan kepercayaan beragama sejak kurun ke 13M (Wan Hussein Azmi, 1980). Pendekatan secara santai dan tidak memaksa masyarakat ketika itu yang di bawa dan digunakan oleh pendakwah sama ada dari Tanah Arab, Cina dan juga India telah dapat diterima dengan baik sekali oleh para bangsawan Melayu dan rakyat jelata. Ia terus berkembang dan sedikit demi sedikit dan berjaya mendorong masyarakat meninggalkan ajaran animisme dan agama Hindu-Buddha yang mendominasi kepercayaan masyarakat Melayu sebelum tersebarnya Islam ketika itu. Kejayaan para pendakwah - merangkap pedagang pada waktu itu dalam meyakinkan orang Melayu mengenai kebenaran Islam perlu disanjung dan diberi penghargaan yang selayaknya kerana dengan usaha mereka jua Islam diangkat menjadi agama majoriti rakyat negara ini dan menurut Perkara 3 dalam Perlembagaan Persekutuan, agama Islam adalah agama Persekutuan tetapi agama-agama lain juga masih boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan (Jabatan Penerangan Malaysia, 2017).

﴿وَذَكِّرْ فَإِنَّ الذِّكْرَى تَنْفَعُ الْمُؤْمِنِينَ﴾

Maksudnya: Dan tetaplah memberi peringatan, karena sesungguhnya peringatan itu bermanfaat bagi orang-orang yang beriman (al-Qur'an. al-Dhariyat: 55).

Para pendakwah berperanan menyampaikan pesanan, nasihat dan peringatan dengan menggunakan metodologi serta garis panduan dakwah yang ditetapkan oleh Islam, di samping mempelbagaikan pendekatan tersebut mengikut realiti semasa *mad'u* dengan menggunakan pelbagai jenis platform yang tersedia. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab golongan *da'i* untuk memahami keadaan sasaran dakwah sebagai langkah awal untuk membuka hati mereka agar berminat dengan ajaran Islam (Siti Hajar Alinordin, 2021) dan melengkapkan diri dengan pengetahuan serta teknologi semasa sebagai alat bantuan.

Bagi pendakwah, usaha untuk memperkenalkan idea baru bukanlah sesuatu yang mudah. Ia memerlukan perancangan yang strategik, pelaksanaan yang rapi, iltizam yang bersungguh-sungguh dan semangat kemanusiaan yang kukuh. Dalam hal ini, komunikasi merupakan salah satu faktor yang sangat penting dalam memastikan sama ada sesuatu

dakwah itu berjaya atau pun gagal disampaikan kepada khalayak ramai yang terdiri dari pelbagai peringkat pemikiran dan pendidikan.

Aspek dakwah merupakan unsur yang penting dalam pelaksanaan dan penyebaran dakwah kerana seorang pendakwah atau *da'i* akan menjadi pemandu atau jambatan dalam usaha penyampaian dakwah tersebut kepada golongan sasaran berdasarkan bahan-bahan dakwah yang betul. Segala perintah yang diberikan kepada nabi adalah bererti perintah kepada umatnya. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab pendakwah untuk menyampaikan apa yang telah dilaksanakan dan diwariskan kepada mereka. Seorang pendakwah atau *da'i* diharapkan mampu untuk memujuk, memenangi atau sekurang-kurangnya 'mengetuk' hati golongan sasaran secara professional agar pengajaran yang ingin disampaikan dapat diterima oleh masyarakat (Burhanuddin Jalal, 2018).

Khoirul Fadli (2010), membahagikan tanggungjawab pendakwah kepada lima bahagian, iaitu sebagai saksi, pembawa berita gembira, dan pemberi peringatan, penyeru kepada agama Allah dan sebagai cahaya yang menerangi. Manakala Burhanuddin et al. (2018) menambahkan lagi mengenai peranan pendakwah dalam konteks semasa iaitu sebagai jurubicara, kaunselor, penyelesaian masalah, pengurus dan juga usahawan. Di samping itu, pendakwah juga merupakan penyelenggara utama yang menjadi tunjang kepada kejayaan dakwah di mana mereka merupakan saluran utama ke arah membumikan ajaran Islam. Para pendakwah memikul amanah dan tanggungjawab yang besar demikian kerana golongan ini merupakan pewaris para nabi dan rasul terdahulu (Syahrul Faizaz et al., 2006). Ini menunjukkan bahawa pendakwah merupakan komponen penting dalam menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat (Zaydan, 2002).

Seorang pendakwah atau *da'i* yang benar-benar memahami erti dakwah Islamiah akan menggunakan kesemua medium dakwah yang ada atau yang termampu oleh dirinya untuk melaksanakan kerja-kerja dakwah di mana sahaja. Sebagai pendakwah, mereka tidak boleh terlalu cepat mengeluarkan hukum atas sesuatu perkara dan pendakwah perlu tahu untuk mencari sebab musabab sesuatu perkara serta mendalami sejarah, sifat, budaya dan amalan masyarakat setempat serta mampu untuk memberikan jalan keluar bagi setiap permasalahan yang berlaku dalam masyarakat (Danial Zainal Abidin, 2003). Dalam konteks yang sama bermakna para pendakwah juga tidak boleh memandai-mandai dalam memberikan komen atau jawapan kepada sesuatu persoalan sekiranya ia berada di luar pengetahuan, ilmu atau kepakarannya. Maka oleh sebab itulah ilmu pengetahuan juga menjadi salah satu syarat utama untuk menjadi seorang pendakwah.

Zaydan (1993) menjelaskan bahawa pendakwah dalam konteks ilmu dakwah merupakan insan yang berperanan penting untuk menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat. Pendakwah yang tidak mempunyai kualiti peribadi dan kemahiran yang mantap sebelum terjun ke medan dakwah akan gagal dalam menjalankan tanggungjawabnya dengan baik. Oleh itu, personaliti pendakwah harus dibina dalam diri mereka yang ingin melaksanakan dakwah dengan berkesan. Manakala Mustafa (2007), Abdullah Nasih 'Ulwan (1988) dan Burhanuddin et al. (2018) menyatakan juga bahawa pendakwah adalah insan yang baik, contoh teladan dari segi akhlak dan moral untuk masyarakat sekeliling dan sekali gus dituntut menjadi lebih berkualiti serta mampu menterjemah dan mentafsir hal-hal yang berkaitan dengan dakwah Islamiah dalam kalangan masyarakat. Selain itu juga, mereka haruslah memiliki ciri-ciri dalaman seperti kesabaran yang tinggi. Pendakwah merupakan teras utama dalam pelaksanaan usaha dakwah kepada masyarakat bukan beragama Islam (Khairul Azhar et al. 2013) di mana pendakwah yang berkredibiliti mampu mendapat kepercayaan di kalangan golongan sasaran, khususnya bukan Muslim.

## **METODOLOGI**

Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif manakala reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kajian sejarah. Kertas kajian ini menerangkan dan menganalisa mengenai kehidupan ulama terdahulu sebagai pendakwah di zaman silam. Penulis juga membahas dan membuat perbandingan antara pendakwah dahulu dengan pendakwah selebriti atau

zaman kontemporari. Dapatan data dalam kajian ini lebih fokus kepada dokumen dan artikel-artikel lepas untuk mendapatkan data yang terkini dan data-data sejarah mengenai perkembangan dakwah dan para pendakwah dahulu hingga sekarang. Melalui kaedah ini, penulis dapat membuat perbandingan antara pendakwah silam dengan pendakwah selebriti. Kajian ini penting untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai kerja-kerja dakwah dan peranan para pendakwah serta dapat menjadi rujukan dan panduan kepada pendakwah moden atau kontemporari.

## HASIL PERBINCANGAN

### Latar Belakang Dan Pendidikan Pendakwah


Proses perkembangan ajaran Islam di Malaysia berlaku seiring dengan perkembangan pendidikan agama Islam yang diperjuangkan oleh para ulama' dan para pendakwah silam. Usaha perjuangan mereka membawa dan memperkenalkan agama Islam kepada masyarakat Melayu pada ketika itu selari dengan perintah Allah s.w.t dalam surah al-Alaq, ayat 1-4.

﴿أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ. خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ. أَلْقُرْآنَ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ. الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ﴾

Maksudnya: *Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu Yang menciptakan, Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmulah Yang Maha Pemurah, Yang mengajar (manusia) dengan perantaran kalam (al-Qur'an. al-'Alaq: 1-4).*

Bidang pendidikan sangat penting dan diberi tumpuan dalam agama Islam. Al-Quran menyatakan bahawa orang yang berilmu akan diangkat kedudukan mereka di sisi manusia (al-Qur'an. al-Mujadalah: 11). Justeru itu, kepentingan menguasai sesuatu ilmu itu adalah sangat jelas dan penting, bukan hanya kepada para pendakwah tetapi juga bagi setiap manusia.

Dari Abu Hurairah r.a, Rasulullah SAW bersabda, "*Barangsiapa yang menempuh jalan untuk mencari ilmu, maka Allah akan mudahkan baginya jalan menuju syurga.*" (Hadis. Muslim. Bab A'la Tilawat al-Quran Wa a'la al-Dhikr. 2699). Para pendakwah dahulu sangat mencintai ilmu pengetahuan. Buktinya mereka ini sanggup berkelana atau merantau untuk mencari ilmu dan mengamalkannya. Sebagai contoh, dua orang Wali Songo yang sangat terkenal di Pulau Jawa iaitu Sunan Bonang dan Sunan Giri pernah mendapatkan pengajian ilmu keagamaan dan tasawuf dari madrasah di Pulau Besar. Keunggulan pusat pengajian ini terbukti apabila bukan sahaja masyhur dalam kalangan penduduk sekitar Melaka bahkan turut menarik perhatian masyarakat lain di Nusantara (Meerangani, 2019). Ini menunjukkan bahawa para pendakwah atau ulama' dahulu sanggup keluar dari kampung halaman mereka untuk mencari ilmu dan mengajar masyarakat untuk kenal Allah s.w.t dan agama Islam.



Rajah 2: Sumber Asas Atau Utama Kepada Pengajian Islam

Hal ini harus dicontohi oleh para pendakwah moden atau pendakwah selebriti masa kini bahawa kekuatan seseorang itu terletak pada akalunya iaitu ilmunya. Ini kerana pada zaman kini para pendakwah dan ulama' berdepan dengan pelbagai cabaran dan persoalan

dalam isu keagamaan yang berkaitan dengan kehidupan harian masyarakat. Masyarakat sekarang berdepan dengan pelbagai cabaran terutama dari teknologi. Masyarakat mudah terikut-ikut dan terpengaruh dengan apa yang ditularkan. Justeru itu, para pendakwah harus memainkan peranan mereka untuk menyelamatkan umat Islam dari terjebak ke lembah kebinasaan.

Menurut Abdul Khair, menjadi pendakwah muda hari ini perlu mempunyai pelbagai ilmu pengetahuan walaupun mereka sudah menamatkan pengajian di peringkat universiti, mereka harus menimba ilmu daripada ulama' yang berpengetahuan luas dalam pelbagai bidang. Oleh itu, mereka perlu berdamping dengan ulama' serta bergaul dengan masyarakat supaya mereka dapat mendengar masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat (Abdul Khair, 2022). Selain itu, para pendakwah haruslah mempunyai ilmu yang tinggi untuk memahami al-Quran dan hadis. Al-Quran dan hadis merupakan sumber asas yang utama kepada agama Islam. Justeru itu, kita harus berpegang dengan kedua-dua kitab ini agar tidak tersasar dari landasan Islam yang sebenar.

Kelompokan ilmu dikalangan para pendakwah perlu diambil berat terutamanya di era teknologi maklumat pada hari ini. Masih terdapat kelompokan di platform media sosial dan maya yang belum diisi oleh para pendakwah dan *da'i*. Akibatnya dengan kebanjiran maklumat melalui media sosial maka turut lahirnya golongan pendakwah segera yang keliru bukan sahaja dengan pegangan mazhab malah juga mengenai isu-isu melibatkan hukum-hakam agama. Ini merupakan satu ancaman kepada agama Islam kerana golongan ini dilihat mengambil kesempatan berlagak pandai dengan mengeluarkan "fatwa" sewenang-wenangnya tanpa didasari oleh ilmu yang berautoriti. Ini bukan sahaja akan menimbulkan kekeliruan minda dalam masyarakat malah boleh menjadi fitnah kepada kepada pendakwah yang sebenar (Abdul Kadir Rosline & Mohd Syahiran Abdul Latif Syahiran, 2012).

### **Keperibadian Dan Akhlak Pendakwah**

Personaliti atau keperibadian merupakan satu cabang psikologi yang mengkaji keperibadian dan proses individu lain yang menjadikan kita manusia. Ia juga merupakan ciri-ciri yang menyifatkan seseorang individu dan membezakannya dengan individu yang lain. Personaliti merangkumi gaya hidup, kepercayaan, harapan, nilai, motif, pemikiran, perasaan, budi pekerti, persepsi, tabiat, sikap dan watak seseorang (Yong Gan Chok, 2003). Menurut pandangan Maddi dalam bukunya *Personality Theories: A Comparative Analysis*;

*"Personaliti adalah satu set kestabilan kecenderungan dan sifat yang menentukan mereka, persamaan dan perbezaan dalam perilaku psikologi manusia (fikiran, perasaan, dan tindakan) yang mempunyai kesinambungan dalam masa dan yang mungkin tidak mudah difahami sebagai hasil tunggal dari cabaran sosial dan biologi (Maddi, Salvatore R., 1994)."*

Berdasarkan beberapa takrifan personaliti di atas, menggambarkan bahawa personaliti merupakan corak daripada tingkah laku manusia yang berasal dalam diri individu. Pelbagai tingkah laku yang terjadi pada manusia adalah berasal daripada manusia itu sendiri, sehingga yang menjadi ukuran adalah diri individu itu sendiri dalam setiap tingkah laku yang diperbuat oleh manusia.

Personaliti menurut perspektif Islam ialah sahsiah atau akhlak. Akhlak terbahagi kepada dua jenis iaitu akhlak yang terpuji dan akhlak yang tercela. Akhlak juga turut diertikan sebagai budi pekerti. Kedua-dua jenis ini sama ada yang terpuji atau yang tercela merangkumi dua dimensi iaitu yang zahir dan yang batin (Shahabudin & Rohizani 2002). Begitu juga dengan personaliti dan akhlak dalam Islam kerana kedua-duanya dapat memberikan panduan yang jelas, kemas dan mantap untuk membina serta membentuk akhlak mengikut acuan Islam (Nurul Hudani & Baharudin 2016). Menurut Ahmad Amri (2009) sumber personaliti Islam bukan melalui hasil pemikiran rasional manusia semata-mata dan ia berbeza dengan sumber personaliti Barat yang dipengaruhi oleh faktor peribadi

seseorang ahli psikologi, aliran pemikiran pada sesuatu zaman dan ciri-ciri populasi dalam sesuatu kelompok manusia.

Personaliti yang baik muncul apabila individu dapat mengawal nafsu syahwat dan amarah supaya dia berada dalam keadaan sempurna iaitu ditengah-ditengah di antara keadaan melampau dan keadaan terlalu lemah. Ini kerana nafsu syahwat dan amarah tidak perlu ada dalam diri individu (Fariza et al. 2015). Hal ini sangat penting bagi seseorang pendakwah kerana pendakwah harus menjaga dan mengawal personaliti mereka dari tercemar. Selain harus menjauhi dari segala perilaku yang tercela seperti berzina, sumbang mahram, menipu, dan sebagainya para pendakwah juga perlu bijak mengawal emosi dan tutur bicara kerana setiap perlakuan dan percakapan dianggap sebagai cerminan kepada agama Islam di mata masyarakat umum.


Para pendakwah dahulu mempunyai keperibadian yang tinggi seperti warak, alim, berakhlak terpuji, tegas, serta mempunyai ilmu yang tinggi. Mereka istiqamah dalam mengajar dan menyebarkan dakwah kepada umat Islam tanpa mengharapkan balasan. Sepertimana dalam kajian Hartati (2012) dan Abu Ala al-Mawdudiyy (1984), menyatakan tentang sikap seorang kiyai yang jujur, ikhlas, amanah, sederhana, bertanggung jawab dan istiqamah dalam menyebarkan dan mendidik ilmu agama Islam.

Pada zaman moden ini kemunculan program-program realiti berkonsepkan agama Islam di televisyen telah menyebabkan para pendakwah “tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan”. Di Malaysia sendiri terdapat banyak pendakwah-pendakwah muda keluaran dari rancangan-rancangan tersebut seperti Imam Muda hasil kerjasama antara Astro Oasis dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Da’i Pendakwah Nusantara terbitan TV3, Pencetus Ummah dan Ustazah Pilihan terbitan Astro serta Solehah terbitan TV al-Hijrah. Tujuan program-program ini adalah untuk melahirkan para pendakwah muda dan belia yang mempunyai perwatakan yang menarik, kreatif, pandai bercakap, berkarisma dan mempunyai ilmu yang tinggi. Program ini ternyata berjaya menarik minat masyarakat dan melahirkan ramai pendakwah muda yang berkaliber dan popular seperti Imam Muda Asyraf, Imam muda Azhar, Da’i Ammar, PU Hafiz dan sebagainya.

Hasilnya banyak personaliti keagamaan yang berkarisma dilahirkan dan menjadi ikutan masyarakat. Kesannya berlaku gelombang kemunculan golongan pendakwah-pendakwah muda dan sektor dakwah mula mendapat permintaan yang tinggi. Ini memberi kesan langsung terhadap perkembangan agama Islam di kalangan masyarakat umum. Daya tarikan daripada pendakwah-pendakwah ini ditambah dengan kemahiran mereka menggunakan saluran media-media sosial sebagai medium panyampai adalah suatu kelebihan yang tidak dapat dinafikan berbanding pendekatan pendakwah tradisional.

Namun, pendakwah selebriti ini harus diberi bimbingan dan latihan dari segi ilmu pengetahuan, keperibadian dan sebagainya supaya mereka menjadi pendakwah yang professional dan mempunyai ilmu yang tinggi untuk berhadapan dengan masyarakat. Perkara ini sangat penting lebih-lebih lagi apabila dewasa ini berlaku kes-kes kontroversi yang melanda para pendakwah selebriti ini (2017-2022). Sebagai contoh kes jenayah seksual seperti cabul, rogol dan amang seksual serta isu-isu kekeluargaan yang sensitif di mata masyarakat seperti penceraian dan poligami.

### Metode Dakwah Dan Pendekatan Pendakwah



Rajah 3: Pendekatan dakwah yang digunakan dahulu hingga sekarang.

Salah satu pendedahan yang di guna pakai oleh pendakwah tradisional adalah secara *al-Maw'izah al-Hasanah* yang dari segi syarak bermaksud mengajak manusia secara kelembutan tanpa kekerasan dengan memberikan motivasi serta menimbulkan rasa takut atas perbuatan yang dilakukan. Menurut Sayyid Qutb, *al-Maw'izah al-Hasanah* adalah kaedah menyentuh hati dengan cara lemah lembut, menyelami dan memahami perasaan, bukan mengherdik atau mencela serta tidak mendedahkan kesalahan yang kadang-kadang berlaku dengan sebab kejahilan atau dengan niat yang baik tetapi cara yang salah (Fatimah Syarha Mohd Noordin et. al., 2019).


﴿وَيَوْمَ نَبْعَثُ فِي كُلِّ أُمَّةٍ شَهِيدًا عَلَيْهِمْ مِّنْ أَنفُسِهِمْ وَجِئْنَا بِكَ شَهِيدًا عَلَىٰ هَٰؤُلَاءِ وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تِبْيَانًا لِّكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ﴾

Maksudnya: (Dan ingatlah) akan hari (ketika) Kami bangkitkan pada tiap-tiap umat seorang saksi atas mereka dari mereka sendiri dan Kami datangkan kamu (Muhammad) menjadi saksi atas seluruh umat manusia. Dan Kami turunkan kepadamu Al Kitab (Al Quran) untuk menjelaskan segala sesuatu dan petunjuk serta rahmat dan kabar gembira bagi orang-orang yang berserah diri. (al-Qur'an. an-Nahl: 89)

Agama Islam bersifat *syumuliyah az-zaman* yang bermaksud sepanjang masa, *shumuliyah al-makān* (semua tempat) dan *shumuliyah al-minhāj* (merangkumi semua) di mana ia bukan sahaja satu kepercayaan tetapi juga sebuah sistem hidup yang lengkap dan mencakupi semua aspek kehidupan seharian meliputi akidah, ibadah, akhlak, ekonomi, pembangun, kesihatan, kebudayaan, sains dan falsafah, perundangan, hubungan sesama manusia dan makhluk dari institusi kekeluargaan sehingga kepada hubungan antarabangsa dan pelbagai lagi. Sesuai dengan sifatnya yang syumul, maka seiring dengan peredaran alaf moden di mana dunia kini telah memasuki fasa siber dan maya, maka penyebaran dakwah Islam juga

perlu kreatif dan inovatif supaya sampai kepada golongan *millennial* yang lebih cakna dengan teknologi dan platform sosial maya seperti internet, blog, Facebook, Instagram dan sebagainya.

Penciptaan aplikasi dan media sosial seperti Facebook, Whatsapps, Instagram, Twitter dan sebagainya yang bersifat pantas, global, penggunaan yang meluas dan terus langsung ke sasaran membuka potensi yang luas terhadap usaha penyebaran mesej dakwah (Noor Azaian Abdul Talib et al., 2017). Berbanding dengan zaman terdahulu, para pendakwah *millennial* terutamanya pendakwah selebriti nyata mempunyai kelebihan untuk berdakwah dengan mengaplikasikan teknologi moden sebagai alat bantu berbanding para pendakwah tradisional terdahulu. Bagaimanapun persoalannya adalah sejauh manakah pendakwah selebriti ini berjaya mengoptimalkan penggunaan teknologi seperti rajah 4 di bawah ini sebagai medium dakwah mereka?



Rajah 4: Saluran media yang digunakan pada masa kini (moden)

N. Zakariya (2013) dalam kajiannya menyebut mengenai penggunaan media sebagai platform berdakwah bukanlah sesuatu yang baru malah telah dipraktikkan sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Al-Quran sendiri sarat dengan mesej-mesej kebaikan dan peringatan untuk manusia yang didatangkan dalam bentuk kisah-kisah penceritaan umpama drama dan novel. Selain itu syair sebagai satu bentuk hiburan juga telah lama sebatu dengan jiwa dan budaya masyarakat Arab sejak zaman dahulu hingakan ketika perang Bani Qurayzah, Rasulullah SAW pernah mengarahkan Hassan bin Thabit untuk membalas tohmahan daripada para musyrikin menggunakan syair; *"Seranglah kaum Musyrikin (dengan syairmu), kerana Jibril bersamamu"* (Hadis. al-Bukhariyy. Bab Hija' al-Musyrikin. 6153).

Mohammad Kamil dan Muhammed Yusof (2006) juga berpendapat penyampaian dakwah pada hari ini memerlukan pendekatan kontemporari yang pelbagai dan terkini dan tidak terikat dengan cara berceramah atau pendekatan tradisional. Menurut Siti Rugayah Tibet (2006) juga, media merupakan platform yang terbaik untuk digunakan sebagai perantara penyampaian dakwah seperti media visual, media audio, mahupun media bercetak secara fizikal dan maya. Lebih-lebih lagi buat para pendakwah selebriti yang harus lebih pandai dan kreatif dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat dengan mempelbagaikan kaedah dan metode dalam menyampaikan dakwah terutama golongan muda dan remaja yang lebih terdedah dan arif dengan media elektronik maya di internet dan telefon pintar. Di samping itu, etika dalam komunikasi media yang berkesan akan membuatkan sasaran dakwah percaya kepada pendakwah dan akan menceritakan permasalahannya yang wujud (Izwah, 2010).

Berdasarkan konsep inilah munculnya idea dan inisiatif penyebaran dakwah melalui medium seni, muzik dan hiburan seperti pendapat Zikmal Fuad (2015) yang menyatakan seni muzik dan suara boleh dijadikan medium dakwah yang relevan pada hari ini. Bagaimanapun perlu diingatkan dalam semangat berkobar-kobar untuk memodenkan pendekatan dakwah melalui kaedah kotemporari ini, berdakwah melalui kesenian terutamanya dalam seni hiburan seperti seni muzik, seni suara, seni lakonan dan komedi perlulah mempunyai satu garis panduan yang ketat agar tidak terpesong dari tujuan utama hingga dikhuatiri menjadi satu bentuk hiburan kosong dan *lagha*.

Selain objektifnya untuk menyumbang kepada penyebaran dakwah, medium berdakwah seperti ini perlulah patuh syariah dengan mengikut ketat garis-garis panduan yang telah ditetapkan syarak agar tidak berlaku fitnah terhadap agama ini. Sebagai contoh dalam rancangan hiburan, lakonan, muzik, komedi mahupun bual bicara yang berkonsepkan dakwah, ciri-ciri seperti aurat pemakaian, tingkah laku, percakapan, adab sesama lelaki dan wanita dan pelbagai lagi perlu dititik beratkan agar tidak melanggar hukum-hukum agama dan mendatangkan mudarat. Begitu juga dengan ceramah agama baik secara fizikal atau maya yang majoritinya menggunakan komedi untuk menarik golongan sasaran. Pendekatan santai menggunakan komedi adalah satu inisiatif yang berkesan dan dialu-alukan tetapi perlulah berpeda. Objektif utama perlulah berdakwah bukan menjadi rancangan gelak ketawa semata-mata, dan kandungan komedi yang digunakan juga perlu mengikut batas-batas agama agar tidak bersifat mengeji, merendahkan agama lain, mempermainkan orang lain, membuka aib, mengandungi unsur-unsur lucah walaupun sekadar gurauan, menimbulkan persengketaan dan sebagainya.

### **KESIMPULAN**

Menggalas tugas dan gelaran sebagai pendakwah bukanlah suatu perkara yang mudah, terutamanya di akhir zaman di mana fitnah terhadap agama berleluasa. Para asatizah ini bukan sahaja perlu memperlengkapkan diri mereka dan istiqamah dengan keimanan, akhlak terpuji, sahsiah diri yang baik dan ilmu pengetahuan yang tinggi tetapi mereka juga perlu sentiasa menjaga penampilan, pertuturan, tingkah laku bahkan cara pergaulan dan kehidupan seharian mereka juga kerana sentiasa menjadi cerminan dan tumpuan masyarakat umum.

Para pendakwah selebriti dilihat sebagai penerus kesinambungan kerja-kerja dakwah yang sebelum ini dipikul oleh generasi pendakwah tradisional terdahulu. Banyak penambahbaikan yang telah di bawa oleh para pendakwah selebriti ini seperti mengangkat populariti bidang dakwah dan imej pendakwah itu sendiri setara dengan profesi-profesi perdana yang lain. Lebih ramai masyarakat kini berminat dan tertarik untuk mendekati diri dengan agama melalui pendekatan santai yang di bawa oleh para pendakwah selebriti ini. Ceramah-ceramah agama menjadi lebih interaktif dan dapat menambat hati pelbagai peringkat usia serta semakin banyak program-program berunsur agama diterbitkan di media telekomunikasi. Maklumat-maklumat, soal jawab isu-isu agama dan ilmu pengetahuan juga menjadi lebih mudah, cepat dan luas penyebarannya kerana kemahiran para pendakwah selebriti dan pendakwah muda ini dalam mengaplikasikan saluran media sosial dan maya.

Pendakwah bagaimanapun bukanlah satu kerjaya yang sinonim dengan imbuhan kemewahan. Tidak dapat dinafikan dengan peredaran zaman dan kemajuan teknologi, juga timbul kelompongan dalam hati masyarakat yang mula sedar dan mencari hidayah Islam melalui ceramah-ceramah, kuliah-kuliah dan nasihat-nasihat daripada bijak pandai agama ini. Ini secara langsung bukan sahaja merencanakan bidang dakwah tetapi juga turut memberi kesan dari segi duniawi di mana pendakwah mula menjadi sebagai antara kerjaya yang popular dan berpendapatan lumayan, bergantung kepada karisma dan daya kreatif pendakwah tersebut bersama-sama pembantunya mempromosikan diri. Maka muncullah terma pendakwah selebriti yang sinonim dengan populariti dan jumlah peminat yang ramai serta mendapat publisiti meluas di media.

Kini di Malaysia sendiri, bayaran untuk menjemput gologan agamawan terutamanya yang popular bukanlah rendah malah mencecah hingga ribuan ringgit. Ini berlaku kerana wujudnya permintaan yang tinggi dan juga perbandingan dengan bayaran kepada selebriti hiburan seperti penyanyi. Mereka bukan sahaja mewah melalui bayaran daripada hasil ceramah agama, tetapi juga turut meraih keuntungan melalui jualan produk, bayaran royalti dengan menjadi duta produk atau dengan membuat kemunculan dalam rancangan-rancangan di televisyen termasuklah yang bersifat hiburan. Terdapat juga segelintir yang menjadikan dan melelong agama sebagai pelaris kepada produk-produk jualan mereka. Tidak salah untuk meraikan para agamawan dan mencari rezeki halal tetapi

sikap mementingkan keuntungan berbanding keikhlasan dalam berdakwah ini akhirnya hanya menimbulkan fitnah terhadap golongan agamawan dan para pendakwah itu sendiri.

Para pendakwah perlu sentiasa beringat; populariti, pengaruh dan kemewahan yang mereka kecapai bersama-sama karier mereka sebagai pendakwah selebriti ini juga adalah merupakan satu ujian besar daripada Allah swt untuk menguji tahap keimanan dan keikhlasan hati mereka dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pendakwah. Berdakwah perlulah ikhlas semata-mata kerana Allah untuk menegakkan agama Islam bukan berdakwah kerana bayaran, pengaruh populariti, kepentingan politik atau apa jua niat lain berkaitan duniawi kerana ia hanya akan mendatangkan rasa tamak, riak dan pelbagai lagi kemudaratan. Kejarlah akhirat, maka dunia akan mendatangimu.

## **RUJUKAN**

### **Buku**

- Abdullah Nasih 'Ulwan. 1988. *Akhlah Para Pendakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Ahmad Amri Zainal Adnan. 2009. *PSQ Rahsia Personaliti Unggul*. Kuala Lumpur: PTS Millennia.
- Ali Mahfuz. t.th. *Hidayah al-Murshidin Ila Turuq al-W'z wa al-Khitabah*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Asep Muhiddin. 2002. *Dakwah dalam Perspektif al-Quran*. Bandung: CV. Pustaka Setia.
- Ba'albaki, Munir. 1982. *al-Mawrid*. Bayrut: Dar al-'Ilm al-Malayin.
- al-Bayanuniyy, Muhammad Abdul Fatah. 2001. *Al-Madkhal ila Ilm al-Dakwah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Burhanuddin Jalal. 2018. *Dakwah Askari di Malaysia*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Danial Zainal Abidin. 2003. *Bahan untuk Berdakwah Zaman Moden*. Kuala Lumpur: PTS Publishing.
- Fariza Md Sham, Salasiah Hanin Hamjah & Mohd. Jurairi Sharifudin. 2015. *Personaliti Dari Perspektif Al-Ghazali*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maddi, Salvatore R. 1994. *Personality Theories: A Comparative Analysis*, California.
- al-Mawdudiyy, Abul A'la. 1984. *Tajdid ad-Din wa Ihyaihi*. Terj: H.D. Kahmad dan Afif Mohammad, Bandung: Pustaka.
- Mustafa Masyhur. 2007. *Jalan Da'wah Antara Qiyadah dan Jundiyyah*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- N. Zakariya 2013, Media Sebagai Wasilah Dakwah. *Al-Hikmah*, Jilid 5, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Qardawiyy, Yusof. 1978. *Thaqafah al-Da'iyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah al-Qardawiyy.
- Shahabudin Hashim & Rohizani Yaakub. 2002. *Teori personaliti dari perspektif Islam, Timur dan Barat*. Bentong: PTS Publications and Distributors.
- Shawkani, Muhammad Ali. 1973. *Fath al-qadir al-Jamai Bayna fann al-riwayah wa al-dirayah min ilm al-tafsir*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Wan Hussein Azmi. 1988. *Ilmu Dakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusof. 2001. *Seni Menurut Perspektif Islam*. (Terj. Basri Ibrahim Al-Azhari), Johor Baru: Perniagaan Jahabersa.al-Razi t.th dalam kitab tafsirnya Mafatih al-Ghayb.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. 1993. *Usul al-Da'wah*. Beirut: Mu'assasah al- Risalah.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. 2002. *Usul Dakwah Islam & Dakwah*. Terj. Solehan Ayub. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.

### **Jurnal**

- Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Ismail, & Sayuti Ab Ghani. 2018. *Pendekatan dakwah untuk cabaran masa depan: Satu soroton*. Tinta Artikulasi Membina Ummah, Vol. 4(1): 23-33.

- Fatimah Syarha Mohd Noordin & Nur Shahidah Paad. 2019. *Cabaran Kontemporari di Era Globalisasi dalam Pengurusan Masyarakat oleh Pendakwah Selebriti Wanita di Malaysia*. Jurnal Usuluddin Vol.47(2), Universiti Malaya.
- Khairul Azhar Meerangani. 2019. *Peranan Ulama dalam Penyebaran Ajaran Islam di Pulau Besar Melaka*. Jurnal Al-Tamaddun, Bil. 14(2), Universiti Malaya.
- Noor Azaian Abdul Talib, Mohd Yusof Abdullah & Mohd Azul Mohamad Salleh. 2017. *Cabaran Dakwah Islam di Alam Siber*. E-Bangi. Journal of Social Sciences and Humanities. Faculties of Sciences and Humanities: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zikmal Fuad. 2018. *Pendekatan Dakwah melalui Seni oleh Shaykh Muim Al-Wahhab*. Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam KUIS, 8(3): 1-19.
- Zinap Hartati. 2012. *Peranan Kyai Haji Ibrahim dalam Dahwah dan Pendidikan*. Al-Banjari. Vol.11(2): 197-220.

### **Tesis & Disertasi**

- Izwah Saudi. 2010. *Penerimaan Remaja Terhadap Unsur-Unsur Dakwah Dalam Drama Di TV1*. Tesis Sarjana, Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khoirul Fadli. 2010. *Peranan Pendakwah Dalam Pembangunan Ekonomi Masyarakat*. Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Islam Program Pengajian Islam Akademi Pengajian Islam (Bahan tidak diterbitkan). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Yong Gan Chok. 2003. *Persepsi Pelajar Tingkatan Dua dan Empat terhadap Ciri-Ciri Personaliti dan Kemahiran Guru Bimbingan dan Kaunseling di Dua Buah Sekolah Daerah Petaling*. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya.

### **Prosiding**

- Abdul Kadir Rosline & Mohd Syahiran Abdul Latif Syahiran. 2021. *Pendidikan Tinggi Dakwah Digital: Antara Keperluan Dakwah Dan Industri*. Digitalisasi Dakwah Dalam Era Revolusi Industri. Prosiding Simposium Dunia Dakwah Digital 2021, Anjuran Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah pada 24 Jun 2021.
- Khairul Azhar Meerangani, Muhammad Asyraf Ahmad Termimi & Rusdi Bin Ramli. 2013. *Dakwah terhadap Bukan Muslim di Malaysia: Realiti dan Cabaran*. E-Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pembangunan Insan. Universiti Malaya.

### **Seminar**

- Mohammad Kamil & Muhammed Yusof. 2006. *Islamisasi seni muzik sebagai hiburan alternatif: Satu analisis dari perspektif pendekatan dakwah*. Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian. Anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 7-8 Ogos 2006. hlm. 283-294.
- Siti Hajar Alinordin. 2021. *Ketokohan Dr. Zawawi Bin Yusoff Dalam Bidang Dakwah*. Seminar Tokoh Dakwah 1.0 (SEDAKWAH). UKM: Fakulti Pengajian Islam, 12 Julai 2021.
- Siti Rugayah Tibek. 2006. *Seni Membentuk Nilai Murni, Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian*. Anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 7-8 Ogos 2006. 1-6.
- Syahrul Faizaz Abdullah, Azizah Othman & Solahuddin Ismail. 2006. *Kefahaman Tentang Konsep Asas Dakwah Islamiah Dan Metodologi Dakwah Islamiah Di Kalangan Pelajar-Pelajar Institut Agama Islam Kedah (Insaniah)*. National Student Development Conference (NASDEC), hlm. 1-10. <http://eprints.utm.my/id/eprint/589/>.

### **Laman Web**

- Jabatan Penerangan Malaysia. (2017). *Maklumat Malaysia: Agama* dicapai pada November 14, 2022 dari <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30116?language=my>.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*